

Perwajahan Imej Korporat



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Kandungan

Objektif

Panduan Imej Korporat Universiti 2

Elemen Asas

Warna Asas UTM	3
Logo dan Rupataip	4
Saiz Minima and Maksima	5
Perletakan dan Representasi Logo yang Salah	6
Logo Diikuti Nama Jabatan dan Fakulti	7
Saiz Mengikut Skala	8
Variasi Warna Logo	9
Logo dengan warna Emas (Gold) dan Perak (Silver)	10
Penerapan Warna Logo dengan Latarbelakang dengan Variasi Warna	11
Penerapan Logo dengan Latar Belakang Fotografi	12




Panduan Imej Korporat Universiti

Panduan ini diwujudkan untuk mencapai objektif yang berikut:-

1. Sebagai dokumen rujukan atau garis panduan lengkap perihal penggunaan logo, teks nama Universiti Teknologi Malaysia dan singkatan UTM (rupataip) dan warna dalam semua representasi logo UTM;
2. Menyediakan spesifikasi teknikal bagi setiap elemen asas imej korporat UTM dan contoh penggunaan yang betul pada representasi terpilih;
3. Memastikan keseragaman penggunaan logo, rupataip dan warna disetiap jabatan/fakulti di dalam UTM.


Warna Asas UTM

Warna yang dipilih sebagai imej korporat UTM melambangkan ciri-ciri yang mencerminkan identiti dan nilai UTM.

Warna	Kod Warna	Maksud
Merah Pulasan (Maroon) 	RGB C92 G0 B31 CMYK C29 M100 Y53 K35	melambangkan kepentingan sikap dan kematangan bangsa melayu dan sifat perwatakan semulajadi suatu bangsa
Emas (Gold) 	RGB R248G166 B23 CMYK C3 M35 Y91 K7	melambangkan tahap atau standard yang tinggi dan nilai-nilai mulia
Moccasin (Sand) 	RGB R255 G230 B191 CMYK C0 M12 Y33 K0	melambangkan kenangan indah dan bermakna meraikan semangat berpasukan dan kesatuan hati

Elakkan dari menggunakan kombinasi warna yang lain. Warna-warna ini seharusnya digunakan secara konsisten dan seragam dalam semua bentuk bahan pencetakan dan lain-lain media. Lain-lain warna yang digunakan mestilah di dalam kombinasi yang harmoni dan tidak terlalu berbeza dengan warna asas yang tersebut.

Logo dan Rupataip



Logo sedia ada ditambahbaik memandangkan terdapat beberapa masalah teknikal penggunaannya. Rupataip merupakan kombinasi teks nama Universiti Teknologi Malaysia bersama singkatan UTM. Kombinasi logo dan rupataip ini membentuk logo UTM yang lengkap.

Logo dan rupataip Universiti Teknologi Malaysia tidak seharusnya digunakan berasingan. Kombinasi logo dan rupataip Universiti Teknologi Malaysia bersama singkatan UTM membentuk logo UTM yang lengkap.

Jenis tulisan rupataip Universiti Teknologi Malaysia adalah Inai Mathi Bold 12 point (condensed 80%) dan singkatan UTM adalah Baskerville Bold 84 point. Jenis tulisan bagi Jabatan / Fakulti yang mengiringi logo UTM adalah Garamond Bold 12 point (condensed 80%)

Saiz Minima and Maksima

Representasi logo UTM seharusnya tidak kurang daripada 4.5 cm lebar dalam jarak mengufuk atau melintang untuk memastikan keterlihatan dan gambaran ciri-cirinya yang jelas. Tiada had maksima representasi tetapi saiz yang dibesarkan haruslah mengikut penyepaduan skala.

Saiz Sebenar



Saiz Maksima



Saiz Maksima: Pembesaran saiz mestilah mengikut skala

Perletakan dan Representasi Logo yang Salah

Logo UTM digunakan tanpa rupataip Universiti Teknologi Malaysia dan singkatan UTM



Teks/gambar diletakkan terlalu dekat dengan logo UTM sehingga kelihatan ianya sebahagian daripada logo



Office of
Corporate Affairs

In addition to that, the conference also aims to raise the educational aspirations of local and international communities to encourage their greater participation in higher education. To reach superior audience the University

Nama Jabatan/Fakulti yang mengiringi logo UTM tidak di dalam saiz dan imej grafik yang sesuai



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Pejabat Hal Ehwal Pelajar



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Pusat Kesihatan Mahasiswa,
Pejabat Hal Ehwal Pelajar



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Office of
Corporate Affairs



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

OFFICE OF
CORPORATE AFFAIRS

*Logo Diikuti Nama
Fakulti / Pusat / Pejabat / Penyelidik Bersekutu / Kelab*

Contoh nama Jabatan / Fakulti yang mengiringi logo UTM seperti di bawah. Pastikan saiz dan imej grafik yang sesuai digunakan.



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Office of the
Vice-Chancellor



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Office of the
Deputy Vice-Chancellor
(Research & Innovation)



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Office of the
Deputy Vice-Chancellor
(Academic & International)



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Office of the
Registrar

Logo Mengikut Skala



Minimum size: 4.5 cm



Saiz Minima

Logo UTM mestilah dapat dilihat dengan jelas dan dihasilkan semula dengan konsisten atau seragam. Representasi logo UTM seharusnya tidak kurang daripada 4.5 cm lebar dalam jarak mengufuk atau melintang.

Saiz Alternatif

Saiz yang dibesarkan haruslah mengikut penyepaduan skala. Sila guna kekunci 'shift' apabila menyeret pensaiaran atau menggunakan peratusan yang sama apabila menggunakan alat pengukur.

Variasi Warna Logo

Berikut adalah contoh logo UTM yang digambarkan dalam variasi warna:

- (i) Merah pulasan (maroon) dan emas (gold)
- (ii) Apabila warna merah pulasan (maroon) dan emas (gold) tidak digunakan, logo UTM boleh diperlihatkan dalam skala kelabu (grayscale), hitam atau putih.



Logo dengan Warna Emas (Gold) dan Perak (Silver)



Logo UTM boleh diperlihatkan dalam warna emas atau perak dengan latar belakang yang gelap tetapi ia perlu dilakukan dengan teliti dan cermat dan kolateral yang digunakan hanya untuk acara khas dan majlis diraja.

Penerapan Warna Logo dengan Latar Belakang Variasi Warna

Apabila memilih warna, adalah mustahak untuk menimbangkan pilihan yang terbaik untuk memberi tumpuan utama kepada maklumat yang jelas, berkesan dan melengkapkan imej yang dipilih. Perbezaan yang ketara antara warna atau kegelapan teks dan latar belakang perlu dijelaskan. Warna yang gelap pada teks dengan latar belakang yang putih atau pudar adalah yang paling mudah dibaca. Warna putih pada teks adalah paling sesuai dengan latar belakang yang gelap.



(i) Merah pulasan (maroon) dan emas (gold) dengan latar belakang berwarna moccasin (sand).



(ii) Logo UTM boleh dijelmakan dari warna yang bertentangan untuk mendapat perbezaan yang ketara seperti latar belakang hitam menjelmakan logo UTM yang berwarna putih.



(iii) Warna tunggal pada logo UTM boleh digunakan dengan latar belakang yang mempunyai perbezaan warna yang jelas dan ketara.

Penerapan Logo dengan Latar Belakang Fotografi



Logo UTM berwarna merah pulasan (maroon) dan emas (gold), dan warna tunggal boleh digunakan dengan latarbelakang fotografi yang mempunyai perbezaan warna yang jelas dan ketara.



Sila Hubungi:
*Pejabat Hal Ehwal Korporat
Universiti Teknologi Malaysia
81310 UTM Johor Bahru, Johor
Tel: +(6)07-5531168
Faks: +(6)07-5530388
<http://www.utm.my>
mail: corporate@utm.my*